

D.R. 40/91

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk memansuhkan peruntukan yang terkandung di dalam Akta-Akta dan Ordinan yang dinyatakan di dalam Jadual yang memperuntukkan pengecualian daripada bayaran duti-duti setem yang jika tidak kerananya kena dibayar di bawah Akta Setem 1949.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pembatalan Pengecualian Daripada Bayaran Duti-Duti Setem 1991. Tajuk ringkas.
2. (1) Peruntukan dalam Akta-Akta dan Ordinan yang dinyatakan di dalam Jadual adalah dimansuhkan. Pemansuhan peruntukan dalam Akta-Akta dan Ordinan yang dinyatakan dalam Jadual.
(2) Menteri boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menambah kepada Jadual.
3. Pemansuhan peruntukan dalam Akta-Akta dan Ordinan di bawah seksyen 2 (1) tidak akan menjejaskan apa-apa suratcara yang telah disempurnakan sebelum tarikh kuatkuasa Akta ini. Kecualian.

RANG UNDANG-UNDANG

JADUAL

(Seksyen 2)

PEMANSUHAN

<i>Nombor Ordinan/Akta</i>	<i>Tajuk ringkas</i>	<i>Peruntukan dimansuhkan</i>
1. Akta 474	Akta Kemajuan Tanah 1956	Seksyen 63(B)
2. Ordinan 61/1958	Ordinan Bank Negara Malaysia 1958	Seksyen 50
3. Akta 380	Akta Perbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962	Perenggan 22 Jadual Kedua
4. Akta 20/1966	Akta Majlis Amanah Ra'ayat 1966	Seksyen 30
5. Akta 398	Akta Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Pemerbadanan) 1966	Seksyen 17 (1) setakat ia berhubungan dengan duti setem
6. Akta 449	Akta Bernama 1967	Seksyen 22
7. Akta 4	Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969	Seksyen 104
8. Akta 11	Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969	Seksyen 21
9. Akta 44	Akta Persatuan Nelayan 1971	Seksyen 29 (b)
10. Akta 46	Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971	Seksyen 34
11. Akta 68	Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara 1972	Seksyen 30
12. Akta 69	Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972	Seksyen 30
13. Akta 70	Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda 1972	Seksyen 30

PEMBATALAN PENGECUALIAN DARIPADA
BAYARAN DUTI-DUTI SETEM

3

	<i>Nombor Ordinan/Akta</i>	<i>Tajuk ringkas</i>	<i>Peruntukan dimansuhkan</i>
14.	Akta75	Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972	Seksyen 30
15.	Akta 104	Akta Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah 1973	Seksyen 30
16.	Akta110	AktaLembaga Pertubuhan Peladang 1973	Seksyen 32
17.	Akta203	Akta Lembaga Kemajuan Kelaman Selatan 1978	Seksyen 30
18.	Akta 218	Akta Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit 1979	Seksyen 13
19.	Akta 222	Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979	Seksyen 33
20.	Akta 249	Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981	Seksyen 30
21.	Akta 278	Akta Lembaga LetrikSabah 1983	Seksyen 53
22.	Akta 279	Akta Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak 1983	Seksyen 31
23.	Akta 282	Akta Lembaga Kemajuan Wilayah PulauPinang 1983	Seksyen31
24.	Akta 285	Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka 1983	Seksyen31
25.	Akta 319	Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985	Seksyen 18
26.	Akta 343	Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988	Seksyen 21
27.	Akta 423	Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990	Seksyen 29

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan memansuhkan peruntukan Akta-Akta dan Ordinan yang memperuntukkan pengecualian daripada duti-duti setem yang jika tidak kerananya kena dibayar di bawah Akta Setem 1949.

2. *Fasal 2* bertujuan memansuhkan peruntukan Akta-Akta dan Ordinan yang dinyatakan di dalam Jadual. Menteri diberi kuasa untuk menambah kepada Jadual melalui suatu perintah yang akan disiarkan dalam *Warta*.

3. *Fasal 3* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pemansuhan di bawah/asa/ 2 tidak akan menjejaskan apa-apa suratcara yang telah disempurnakan sebelum mula berkuatkuasa Akta.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1674.]